

U GB 12-01 00168 BH499

BAH

Mahathir - Jenayah

MAHATHIR MAHU USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH PERANGI JENAYAH

I

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Semua negara perlu menunjukkan kesungguhan tulus dalam usaha sejangkit memerangi jenayah melintasi sempadan antara negara dan pengedaran dadah, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Dr Mahathir berkata, kepantasan pengangkutan dan komunikasi moden di samping kepintaran melakukan sesuatu jenayah, memudahkan menembusi pasaran dan mengelakkan daripada dikesan.

+Teknologi moden mungkin memanfaatkan masyarakat kita tetapi penggunaannya oleh kalangan penjenayah memungkinkan penjenayah memindahkan operasi jenayah mereka menyeberangi sempadan antara negara dan mengambil kesempatan daripada perbezaan undang-undang, penguatkuasaan dan bidang kuasanya.

+Tiada satupun agensi penguatkuasaan dari mana-mana negara mampu bertindak dengan berkesan terhadap cabaran baru ini, tegasnya dengan menarik perhatian tentang perlunya kerjasama dan usaha bersepadu di kalangan badan penguatkuasaan undang-undang, pendakwa dan kehakiman pada peringkat nasional dan serantau.

Dr Mahathir berucap pada para perwakilan dari Yayasan Pencegahan Jenayah Asia sempena pelancaran Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di sini. -- Lagi.

▼12/01/15-50MST

U GB 12-01 00163 BH502

BAH

Mahathir - Jenayah 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata, ketika dunia memasuki dekad terakhir dalam abad ke-20, jenayah perdagangan dan jenayah berkaitan penipuan menjadi semakin sofistikated memandangkan kepesatan perkembangan teknologi komputer dan telekomunikasi.

+Dalam hubungan ini, kerjasama antarabangsa dalam bidang-bidang berkaitan hendaklah di beri penekanan, kata beliau.

Walaupun jenayah di dunia semakin meningkat terutama jenayah kejam dan ganas seperti di sesetengah negara maju, tetapi Dr Mahathir berpuas hati dengan pendekatan bersepadu yang diambil bagi pencegahan jenayah di Malaysia.

Ini berdasarkan penekanan oleh kerajaan tentang perlunya usaha itu membabitkan semua kementerian dan rakyat, menyebabkan kadar jenayah rendah.

+Mengambil kira standard yang ditetapkan Interpol, purata indeks jenayah di Malaysia ialah tidak melebihi 70,000 setahun.

+Jika berdasarkan standard yang ditetapkan Suruhanjaya Pencegah Jenayah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, purata hanya 100,000 kejadian jenayah dilaporkan di Malaysia yang mempunyai 18 juta penduduk dan ia sentiasa dibanjiri buruh asing dan pendaatang-tanpa izin, kata Dr Mahathir. -- Lagi.

▼12/01/15-59MST

U GB 12-01 00143 BH507

BAH

Mahathir - Jenayah 3 Kuala Lumpur

Bagaimanapun, Malaysia tidak berpuas hati dengan kadar itu dan perlu melindungi masyarakat daripada sebarang bentuk jenayah dengan membabitkan semua rakyat, kata beliau.

+Justeru itu, kita perlu menyemai nilai-nilai moral dan etika yang kukuh di kalangan rakyat sejak kecil lagi,+ katanya.

Beliau berkata, kecenderungan negara maju menetapkan standardnya tidak semestinya menghasilkan keputusan yang memberi manfaat.

+Ini kerana kadar jenayah di negara-negara maju membuktikan betapa tidak berkesannya standard mereka.

+Oleh itu, anda perlu memaafkan kita jika ada ketikanya, kita merasakan perlu dipersoalkan motif di sebalik sesetengah daripada usaha oleh dunia barat untuk memaksa kita menerima nilai dan standardnya.

+Kami mengesyaki dan mempunyai sebab untuk mengesyakinya berdasarkan peristiwa yang berlaku dan contoh-contoh yang ada bahawa sesetengah daripada usaha itu bukanlah altruistik (bertujuan untuk membantu pihak lain). -- Lagi.

▼12/01/16-37MST

CNS4838

U GB 12-01 00125 BH508

BAH

Mahathir - Jenayah 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Beliau berkata, MCPF ditubuhkan dengan tujuan membantu ke arah usaha pencegahan jenayah dan pemulihan mangsa demi mencapai matlamat mewujudkan keamanan dan kestabilan di negara dan rantau ini.

Ini akan dilakukan melalui tinjauan, penyelidikan, pendidikan dan program lain berdasarkan konsep persaudaraan dan kerjasama di kalangan pihak-pihak yang berminat atau terbabit dalam sistem keadilan terutama di negara-negara Asia.

+Yayasan itu diharapkan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan orang dan menyertai usaha pencegahan jenayah selaras dengan usaha kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan persendirian yang terbabit dalam pencegahan jenayah dan sistem keadilan,+ kata beliau.

Beliau berharap yayasan itu akan bekerjasama rapat dengan agensi-agensi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan lain yang serupa di dunia. -- Bernama.

▼12/01/16-39MST